



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Rabu, 01 Mac 2023

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Jual ayam mahal lebih RM10.40 sekilo

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Negara	16

Melebihi harga siling yang ditetapkan RM9.10 **Jual ayam mahal lebih RM10.40 sekilo**

Oleh ADNAN IBRAHIM

KLUANG – Rata-rata peniaga di daerah ini sudah tidak lagi menggunakan harga siling ayam standard yang ditetapkan kerajaan iaitu RM9.10 sekilogram (kg) sebaliknya menjual pada harga RM10.40 kg semalam.

Lebih mengejutkan apabila ditanya tentang kenaikan harga ini, peniaga memberikan alasan mendapat bekalan pada harga RM9.50 kg menyebabkan mereka terpaksa mengambil untung sedikit iaitu sekitar 90 sen untuk setiap kilogram.

Penduduk Taman Sri Lambak, Abdul Rahman Mohamad berkata, harga yang dijual peniaga runcit di taman perumahan ini tidak masuk akal kerana terlalu tinggi berbanding harga siling.

Katanya, dengan harga jualan itu setiap ekor ayam standard yang dijual akan berharga lebih daripada RM20 dan ia amat membebankan khususnya kepada peniaga kedai makan.

"Saya amat berharap tindakan sewajarnya dapat dilakukan kerajaan bagi mengatasi kemelut yang tidak berpenghujung ini bagi membolehkan rakyat tidak terus tertekan dengan harga barang-barang keperluan harian.

"Sekiranya harga ayam standard sudah melambung tinggi sekarang, saya yakin akan ada peningkatan lagi apabila menjelang bulan Ramadan dan Syawal



SEORANG pelanggan di kedai runcit di Taman Sri Lambak di Kluang memilih ayam lebih kecil selepas mendapati harga dijual dengan harga RM10.40 semalam.

nanti," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Menurutnya lagi, tindakan bukan hanya diperingkat peruncit semata-mata, namun perlu dari punca bekalan kerana jika tanpa kenaikan harga oleh pihak pembekal, perkara ini mungkin tidak berlaku.

Sementara itu, peniaga yang enggan dikenali berkata, pihaknya terpaksa menjual pada harga mahal iaitu RM10.40 kerana mendapat bekalan pada harga

RM9.50 satu kg.

Ujarnya, dengan harga itu, pihaknya hanya memperoleh keuntungan 90 sen setiap kg walaupun menyedari terlalu tinggi untuk harga jualan pada hari-hari biasa dan melebihi harga siling.

"Kami juga turut mendesak kerajaan mengambil tindakan drastik mengatasi masalah ini kerana barang-barang keperluan seperti ini sememangnya diperlukan oleh orang ramai setiap hari," katanya.

Gara-gara telur, Ka Siong terima surat saman

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Nasional	5

CORAT - CORET

Gara-gara telur, Ka Siong terima surat saman

KUALA LUMPUR - Ahli Parlimen Ayer Hitam, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong mendedahkan beliau menerima surat saman daripada pengimport telur dari India susulan kenyataannya pada sidang Dewan Rakyat minggu lalu mengenai isu kekurangan telur.

Ka Siong (BN-Ayer Hitam) yang bingung dengan tindakan tersebut menegaskan, pentas Dewan Rakyat merupakan platformnya untuk mengutarakan masalah dihadapi rakyat.

"Cuma saya hairan apabila saya berucap di sini (Dewan Rakyat), saya (ada) terima surat daripada peguam yang mewakili pengimport dari India.

"Saya rasa terpanggil untuk membawa isu ini (kekurangan telur). Apa salah saya sehingga pengimport melalui peguam tulis surat (saman) kepada saya," katanya pada sesi perbincangan Belanjawan 2023 di Dewan Rakyat pada Selasa.

Rabu lalu, Ka Siong yang juga Presiden MCA mencuri tumpuan Dewan Rakyat apabila membawa tiga biji telur ayam sebagai perbandingan semasa mengutarakan isu kekurangan stok telur.

Bekas Menteri Pengangkutan itu menggesa Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu memberi tumpuan berkenaan kekurangan telur ayam tempatan dan bukannya mengimport telur untuk menampung keperluan domestik.

Sementara itu ketika menjawab pertanyaan **Datuk Dr Mohd Radzi Md Jidin (PN-Putrajaya)** adakah bersetuju untuk kerajaan menyatakan nama syarikat serta bantuan yang diberi kepada pihak terlibat, Ka Siong menegaskan beliau tidak berminat untuk mengetahuinya.



Ka Siong membawa telur pada Rabu lalu.

Ayam dijual RM10.40 sekilogram

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	30

Ayam dijual RM10.40 sekilogram

KLUANG: Di sebalik pelbagai usaha kerajaan membantu mengurangkan beban rakyat, ada pihak didakwa menjual barangan keperluan lebih mahal berbanding harga kawalan.

Penduduk di Taman Sri Lambak dekat sini mendakwa, beberapa kedai runcit menjual ayam standard pada harga RM10.40 bagi satu kilogram (kg) berbanding RM9.10 yang ditetapkan kerajaan.

Lebih mengejutkan, peniaga pula mendakwa mendapat bekalan ayam berkenaan pada harga RM9.50/kg, menyebabkan terpaksa mengambil untung sedikit, iaitu 90 sen bagi setiap kilogram.

Seorang penduduk Taman Sri Lambak, Abdul Rahman Mohamad menyifatkan, harga yang dikenakan peniaga runcit tidak masuk akal kerana terlalu tinggi berbanding harga siling.

Katanya, dengan harga itu, seekor ayam standard yang dijual lebih RM20 dan amat membebankan, khususnya kepada peniaga kedai makan.

"Saya amat berharap tindakan sewajarnya dapat dilakukan oleh pihak yang tidak berpuas hati ini bagi membolehkan rakyat tidak terus tertekan dengan harga barang keperluan harian yang semakin meningkat.

"Sekiranya harga ayam standard sudah melambung tinggi sekarang, saya yakin akan ada peningkatan lagi apabila menjelang bulan Ramadan dan



SEORANG pelanggan memilih ayam yang lebih kecil apabila mendapati harga jualan mencecah RM10.40 sekilogram di kedai runcit di Taman Sri Lambak, Kluang.

Syawal nanti," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, tindakan bukan hanya diambil di peringkat peruncit, namun perlu dari punca bekalan kerana jika tanpa kenaikan harga oleh pihak pembekal perkara itu mungkin tidak ber-

laku.

Sementara itu, seorang peniaga yang enggan namanya disiarkan memaklumkan terpaksa menjual ayam pada harga RM10.40 kerana mendapat bekalan pada harga RM9.50 sekilogram.

"Kami turut mendesak kerajaan supaya mengambil tindakan drastik mengatasi masalah ini.

"Ini kerana barang-barang keperluan seperti itu sememangnya amat diperlukan oleh orang ramai setiap hari," katanya.